



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 45 tahun pada tarikh tutup iklan, yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Lembaga Lebuhraya Malaysia :-

1. (a) Jawatan : **JURUAUDIT (GRED W 41)**

(b) Taraf Jawatan : Tetap

(c) Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan dan Profesional

(d) Gred & Jadual Gaji : W 41

P1T1 RM 1,702.81 – P1T27 RM 4,688.95

P2T1 RM 1,798.82 – P2T27 RM 4,968.61

P3T1 RM 1,899.01 – P3T27 RM 5,255.39

(e) Syarat Lantikan :-

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

i) Warganegara Malaysia;

ii) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

iii) a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T3); atau

b) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T8); atau

c) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T8); atau

d) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T9); atau

e) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T10);

[Senarai Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan di perenggan e (iii) (c) dan (d) di atas adalah seperti Rujukan W]; dan

iv) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2. a) Jawatan : **PEGAWAI TADBIR (GRED N 41)**

b) Taraf Jawatan : Tetap

c) Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan & Profesional

d) Gred & Jadual Gaji : N 41

P1T1 RM 1690.28 – P1T27 RM 4640.28

P2T1 RM 1784.90 – P2T27 RM 4918.55

P3T1 RM 1883.73 – P3T27 RM 5220.62

e) Syarat Lantikan

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

i) Warganegara Malaysia;

- ii) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii)
 - a) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - b) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41:P1T3); atau
 - c) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41:P1T4); dan
- iv) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara *on – line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://e-jawatan.lmnet.gov.my/index.html> mulai **13 September 2010** hingga **26 September 2010**

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **27 September 2010**.

5. PERMOHONAN DITOLAK

Permohonan akan ditolak sekiranya:

- i) Tidak lengkap;
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- iii) Permohonan diterima pada dan selepas tarikh tutup permohonan.

CATATAN AM

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.